

RM180,000 geran tubuh taska

Oleh YAP SIONG HAN

Diterima Pusat Minda Lestari (PML) UMS

UB 18.6.2019 B1

KOTA KINABALU: Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima RM180,000 Geran Penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) di Tempat Kerja Sektor Awam.

PML menerima geran berkenaan bersama empat agensi kerajaan lain iaitu Pejabat Pentadbiran Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (TSKN), Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Mohammad Fuad Stephens Sandakan dan Jabatan Penjara Negeri Sabah.

Majlis penyampaian replika cek geran disempurnakan TSKN Patrick Tan @Tan Su Teck mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN) Sabah Datuk Seri

Hashim Paijan, di Bilik Mesyuarat Pejabat SKN di sini dengan disaksikan Timbalan Pengarah Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Hajah Dayang Rugayah Awang Besar.

PML dalam satu kenyataan berkata, kejayaan mendapatkan geran peruntukan itu adalah satu pengiktirafan agensi pusat terhadap kemampuan UMS untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan, pengajaran dan pembelajaran awal kepada anak-anak kakitanan UMS.

“Geran yang disalurkan ini akan digunakan untuk tujuan menyelenggara, mengubah suai dan membeli peralatan yang diperlukan bagi memulakan operasi perkhidmatan taska di UMS Kampus Sandakan selaras dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang inginkan penubuhan taska di tempat kerja mulai Januari 2019.”

Kampus Sandakan selaras dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang inginkan penubuhan taska di tempat kerja mulai Januari 2019.

“Pemberian geran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam adalah satu pengiktirafan agensi pusat terhadap kemampuan UMS untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan, pengajaran dan pembelajaran awal kepada anak-anak kakitanan UMS.

“Geran yang disalurkan ini akan digunakan untuk tujuan menyelenggara, mengubah suai dan membeli peralatan yang diperlukan bagi memulakan operasi perkhidmatan taska di UMS Kampus Sandakan selaras dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang inginkan penubuhan taska di tempat kerja mulai Januari 2019.”

kanak-kanak di bawah umur empat tahun,” menurut keadaan itu.

Selain itu, penubuhan taska turut mampu mengurangkan kerisauan ibu bapa yang bekerja supaya lebih fokus kepada pekerjaan mereka, menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke taska berdaftar



PATRICK (tiga kiri) menyampaikan replika cek geran kepada Aidah (tiga kanan). Turut kelihatan Dayang Rugayah (dua kiri), Faddili (dua kanan), Aminah (kiri) dan Jaini (kanan).

dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memberikan asuhan serta didikan awal kanak-kanak selaras dengan dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan.

Pada majlis itu, PML diwakili Pengarahnya Aidah Noordin bersama Penolong Pendaftar Kanan Faddili Kasin, Penyelia Taska Aminah @Bibiana Idris serta Penyelia Daycare dan Transit

PML Jaini Sapirai.

Untuk rekor, PML menyasarkan cawangan taska di Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan beroperasi bermula pada Ogos depan.